



MODUL PINTAS TINGKATAN 5

Peperiksaan Percubaan Tahun 2019

Skema Jawapan Bahasa Melayu

Kertas 1 1103/1

KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1- (1103/1)

KARANGAN BAHAGIAN A (30 MARKAH)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa luas. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan – kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan hurainya kurang jelas.
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

KRITERIA PENSKORAN

KARANGAN BAHAGIAN B (100 MARKAH)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 - 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis . • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Kepujian	66 - 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Baik	51 – 65 (58 – 64) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan

		<p>penggunaan ungkapan kurang berkesan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik dan berkesan serta pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.
Memuaskan	<p>36 - 50</p> <p>(43 - 50)</p> <p>(36 - 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata terhadap. • Penggunaan kosa kata umum dan terhadap. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ayat kurang gramatis. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang menarik. • Wacana masih/kurang lengkap.
Kurang memuaskan	<p>21 - 35</p> <p>(28 - 35)</p> <p>(21 - 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan / bercampur aduk dan huraian isi tidak jelas / dan contoh tidak sesuai. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhadap. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
Pencapaian minimum	<p>01 - 20</p> <p>(11 - 20)</p> <p>(01 - 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar dibaca / tidak difahami.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019
1103/1(PP)
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan
September

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Menengah Selangor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2019

Bahagian A (30 markah)

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara untuk menguruskan kewangan dengan bijak sebagai panduan kepada pengguna.

Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menguruskan kewangan yang boleh dijadikan sebagai panduan agar menjadi pengguna bijak.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PENGURUSAN KEWANGAN YANG BIJAK:

- Mengamalkan sikap jimat cermat.
- Membandingkan harga.
- Menyenaraikan barangan keperluan.

Kehendak Soalan:

1. Calon hendaklah menghuraikan cara-cara menguruskan kewangan yang bijak dengan huraian isi yang jelas dan disertakan dengan contoh yang sesuai.
2. Kemungkinan jawapan calon:
 - Jika calon hanya menghuraikan salah satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi lain yang relevan, diterima dan **boleh cemerlang**.
 - Jika calon tidak mengambil langsung isi yang terdapat pada bahan rangsangan, tetapi menghuraikan isi lain yang relevan – diterima tetapi karangan **maksimum kepujian**.
3. Calon hendaklah memberikan contoh yang sesuai bagi setiap huraian isi seperti cadangan berikut:
 - Mengamalkan sikap jimat cermat; berbelanja dengan berhemat, tidak membazir-penjimatan menggunakan air, elektrik dan makanan, membawa bekal, dan membuat tabungan/simpanan.
 - Membandingkan harga; membuat perbandingan harga antara kedai, mengutamakan barangan jenama tempatan dan memilih destinasi pelancongan di dalam negara.
 - Menyenaraikan barangan keperluan; membuat senarai barangan keperluan mengikut keutamaan, membuat anggaran perbelanjaan dan berbelanja tidak menurut hawa nafsu.
4. Jika **huraian isi umum** tanpa disertakan dengan contoh – **karangan tidak boleh cemerlang, maksimum peringkat kepujian sahaja**.

SKEMA KARANGAN BAHAGIAN B (100 MARKAH):

Soalan 1

Ibu bapa sering diabaikan lantaran kesibukan anak-anak dengan kerjaya dan kehidupan masing-masing.

Huraikan pendapat anda tentang tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa.

Kehendak soalan:

1. Calon dapat menghuraikan **tanggungjawab/peranan** anak-anak terhadap ibu bapa mereka dengan huraian isi yang jelas dan contoh yang sesuai.
2. Cadangan isi:
 - Melawat/menziarahi ibu bapa yang berada di kampung setiap hujung minggu.
 - Mengambil berat perihal ibu bapa dengan sentiasa menghubungi ibu bapa, selalu bertanyakan khabar melalui telefon.
 - Menyediakan kemudahan seperti tempat tinggal yang selesa, pengangkutan dan makan pakai ibu bapa.
 - Membuat ibu bapa berasa gembira seperti membawa ibu bapa melancong, menyambut ulang tahun kelahiran ibu bapa, atau menghantar ibu bapa menunaikan Umrah/ Haji.
 - Menghormati dan berlemah lembut dengan ibu bapa; tidak bercakap kasar, menjaga ibu bapa yang sakit/uzur, menjaga maruah ibu bapa.
3. Jika **huraian isi umum** tanpa disertakan dengan contoh – **karangan tidak boleh cemerlang, maksimum peringkat baik.**

Soalan 2:

Mutakhir ini, banyak kejadian negatif berlaku dalam kalangan masyarakat kesan stres yang tidak terkawal.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani stres.

Kehendak soalan:

1. Calon dapat menghuraikan **langkah-langkah untuk menangani stres/tekanan** dalam kalangan masyarakat dengan huraian isi yang jelas dan contoh yang sesuai.
2. Cadangan isi:
 - Menjalankan aktiviti riadah seperti bersenam, berkelah, bersiar-siar, berbasikal – dapat meningkatkan kesihatan dari segi fizikal dan minda.
 - Rehat dan tidur yang cukup, tubuh memerlukan sekurang-kurangnya 7-8 jam sehari tidur setiap hari, mengatur waktu tidur secara konsisten/tetap.
 - Makan makanan yang berkhasiat – minum air masak sekurang-kurangnya 8 liter sehari, lebihkan makan sayur-sayuran dan buah-buahan, kurangkan pengambilan kafein. Kurangkan pengambilan makanan segera dan berlemak.
 - Melakukan perkara/hobi yang disukai – bersukan, melancong, membaca, memancing.

- Mendapatkan bantuan kaunselor, pakar psikologi atau orang yang dipercayai untuk membantu menyelesaikan masalah – tidak memendam masalah seorang diri, berfikiran positif dan tidak lari daripada masalah. Bersolat dan perpegang teguh dengan pegangan agama.
3. Huraian isi yang umum tanpa disertakan dengan contoh yang sesuai, **markah tidak boleh cemerlang, maksimum kepujian.**
 4. Masalah stres yang dihadapi perlu dikaitkan dengan masyarakat, **jika hanya individu sahaja tidak boleh cemerlang, maksimum kepujian.**

Soalan 3:

Anda terpilih mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan di peringkat daerah. Tajuk syarahan yang ditetapkan ialah “Kepentingan Pelancongan Kesihatan Memajukan Negara”.

Tulis teks syarahan tersebut selengkapnya.

Kehendak soalan:

1. Calon diharap dapat menghuraikan **kepentingan/faedah/kebaikan pelancongan kesihatan** yang dapat memajukan negara dengan huraian isi yang jelas, relevan dan contoh yang sesuai menggunakan format syarahan.
2. Jika calon **menulis karangan tidak menggunakan format syarahan**, karangan **maksimum kepujian** sahaja.
3. Cadangan isi:
 - Dapat meningkatkan ekonomi negara – pengaliran wang dari negara luar ke dalam negara, cukai daripada perkhidmatan mendapatkan rawatan kesihatan, bayaran kos perubatan, ubat-ubatan dan caj hospital.
 - Memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat – pembukaan hospital baharu memerlukan tenaga pekerja seperti pegawai perubatan, ahli farmasi, pengawal keselamatan. Membantu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat.
 - Meningkatkan mutu perkhidmatan hospital di Malaysia – prasarana perubatan ditambah baik dan pada tahap kelas pertama, infrastruktur seperti jalan raya, kemudahan pengangkutan ditingkatkan.
 - Menjana industri pelancongan negara – ramai pelancong asing datang untuk mendapatkan rawatan dan kemudahan, berlaku pertukaran mata wang asing, meningkatkan nama negara di persada antarabangsa.
 - Menggalakkan perkembangan perubatan tradisional – rawatan alternatif melalui herba-herba tradisional, rawatan akupunktur, urutan refleksologi. Membantu menambahkan perembangan Industri Kecil Sederhana (IKS).
4. Jika calon menghuraikan usaha/langkah/cara meningkatkan pelancongan kesihatan, **karangan tidak boleh cemerlang, maksimum memuaskan sahaja (bawah 50 markah)**

Soalan 4:

Penduduk dunia kini sedang berhadapan dengan masalah pemanasan global kesan daripada sikap sesetengah pihak yang mementingkan keuntungan semata-mata.

Ulas pernyataan tersebut.

Kehendak soalan:

1. Calon sepatutnya dapat menghuraikan **punca-punca dan kesan pemanasan global** yang dihadapi penduduk dunia dengan huraian isi yang jelas dan relevan serta contoh yang sesuai.
2. Cadangan isi:
 - Punca-punca pemanasan global; pencemaran alam sekitar yang tidak terkawal seperti pembakaran hutan, pembebasan asap perindustrian dan penerokaan hutan kerana sikap manusia yang mementingkan keuntungan.
 - Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang yang masih lemah.
 - Kesan pemanasan global; penyebaran penyakit berbahaya, cuaca yang tidak menentu, mengganggu keseimbangan eko sistem, kawasan tadahan hujan semakin berkurangan,
 - Mengancam kehidupan flora dan fauna kerana kemusnahan habitat haiwan, sumber alam semulajadi semakin berkurangan.
 - Kehidupan penduduk dunia terancam kerana suhu yang semakin meningkat, udara yang tercemar dan cuaca yang tidak menentu.
3. Sekiranya calon lebih banyak menghuraikan langkah/kaedah/cara untuk mengatasi pemanasan global, **karangan tidak boleh cemerlang – maksimum baik sahaja.**

Soalan 5:

Kerjaya sebagai penulis novel semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menjadi penulis berjaya.

Kehendak soalan:

1. Calon diharap dapat menghuraikan **persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menjadi penulis berjaya** dengan huraian isi yang jelas dan relevan serta contoh yang sesuai.
2. Cadangan isi:
 - Perlu banyak membaca hasil karya penulis terkenal atau sasterawan negara; mempelajari teknik penulisan, memperkaya kosa kata dan teknik pengolahan cerita yang matang.
 - Mengembara ke sesuatu tempat untuk mencari pengalaman dan idea-idea yang bernas; mengenali dan memahami budaya serta adat resam sesuatu kaum untuk menghasilkan karya yang realistik. Jauh perjalanan luas pemandangan.
 - Menimba ilmu pengetahuan berkaitan penghasilan karya sastera yang bermutu - menyertai seminar teknik penulisan, menulis berulang-ulang kali untuk memandapatkan hasil karya yang bermutu.
 - Bersikap terbuka dan menerima pandangan/kritikan daripada orang lain; penulis bertambah matang, memahami kehendak dan harapan pembaca terhadap sesuatu karya, menambah baik hasil mutu karya sastera melalui kritikan dan komen yang diutarakan.
 - Peka/prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu semasa; boleh dijadikan sumber ilham dalam penulisan, tidak ketinggalan, dapat memberikan pendapat/kritikan sosial secara tidak langsung secara sihat.

3. Jika calon hanya menghuraikan isi secara umum sahaja, **markah tidak boleh cemerlang - maksimum kepujian sahaja.**